

14 JAN 2004

Kedah-PAS

PAS BOLEH LUPAKAN HASRAT TAWAN KEDAH

Oleh: Zulkifle Salleh dan Zahari Morad

ALOR STAR, 14 Jan (Bernama) -- "Gendang Perang" yang dipalu oleh PAS

untuk menawan negeri Kedah sejak selepas pilihan raya umum 1999, pada suatu ketika memberikan gambaran seolah-olah kemenangan sudah memihak kepada parti pembangkang itu.

Namun kebanyakan pemerhati politik tanahair sependapat bahawa dengan berlalunya masa dan ketika pilihan raya umum ke 11 semakin hampir, laungan "Tahun Tawan Kedah" kini semakin sayup kedengaran, malahan irama gendangnya pun kini semakin sumbang.

Banyak sebab mengapa senario politik Kedah kelihatan kembali memihak kepada Barisan Nasional (BN) selepas PAS membuat kejutan dengan merampas 12 daripada 36 kerusi negeri pada 1999, sekali gus menafikan kemenangan dua pertiga BN di Dewan Undangan Negeri itu.

Selain ketiadaan tokoh yang cukup berpengaruh di negeri ini berikutan kematian Allahyarham presidennya Datuk Fadzil Noor, PAS tidak lagi berupaya mengekalkan pengaruhnya, apa lagi untuk memperluaskannya.

Menipis sokongan terhadap PAS dapat dilihat daripada kehadiran pada ceramah-ceramahnya sudah tidak sehebat dulu. Ia kerana PAS telah kekeringan isu.

Pengerusi Perhubungan Umno Negeri merangkap Menteri Besar Kedah Datuk Seri Syed Razak Syed Zain dalam satu temubual eksklusif dengan Bernama di pejabatnya baru-baru ini berkata, ketika pengaruh PAS semakin merosot, Umno negeri menjadi semakin bertenaga berikutan beberapa tindakan penyatuan yang dilakukan.

Beliau mengulangi kesimpulan analisisnya bahawa PAS telah terlepas peluang terbaiknya, iaitu pada pilihan raya 1999, semasa Umno Kedah dilihat agak goyah, sementara pembangkang yang membentuk gabungan Barisan Alternatif, mempunyai isu yang boleh meraih simpati pengundi.

"(Dalam keadaan begitu pun) mereka hanya menang 12 daripada 36 kerusi DUN serta lapan daripada 15 kerusi Parlimen, dan BN masih membentuk kerajaan," ujar beliau.

"Pada pilihan raya akan datang, Umno berkeyakinan penuh PAS tidak akan dapat menawan Kedah, malahan beberapa kerusi yang dikendongnya sekarang juga akan keciciran," ujar beliau.

Mengulas keraguan sesetengah pihak terhadap kekuatan BN di negeri Kedah dan anggapan kononnya keyakinan yang beliau tunjukkan cuma satu penyedap hati, Syed Razak sambil tersenyum berkata: "kita buat kerja rumah."

Pelantikan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai Perdana Menteri Oktober lepas turut memberi kelebihan politik kepada BN Negeri Kedah, terutama di kalangan penduduk luar bandar,

Walaupun Abdullah bukan anak Kedah, stail kepimpinan dan perwatakannya dilihat berjaya menarik sokongan rakyat negeri ini terhadap BN, terutama golongan "atas pagar" yang dahulunya menyokong PAS.

Dalam pada itu, pengaruh PAS di kalangan pengundi bukan Melayu di negeri ini juga dilihat semakin terhakis, gara-gara Dokumen Negara Islam PAS yang diumumkan baru-baru ini menakutkan mereka. Walaupun mereka golongan minoriti di kebanyakan kawasan, satu undi daripada mereka boleh menentukan kalah menang seseorang calon.

Bekas sekutu PAS iaitu DAP, sama ada di Kedah atau di negeri-negeri Utara Semenanjung, terus enggan dilihat bekerjasama dengan parti itu kerana tentangan keras mereka terhadap gagasan negara Islam ala parti itu.

Sementara itu, BN juga mendapat sokongan padu pengundi berketurunan Siam setelah pegawai khas daripada kalangan mereka dilantik oleh kerajaan negeri bagi menangani pelbagai masalah yang dihadapi masyarakat itu.

Syed Razak berkata, usaha penyatuan pada peringkat cawangan dan bahagian juga telah memantapkan lagi kedudukan Umno Kedah khususnya dan BN amnya.

"Berkat usaha itu, jentera pilihan raya parti telah dapat bergerak lancar dan dimantapkan lagi dengan kemasukan kembali beberapa nama berpengaruh berikutan pembentukan jawatankuasa penaja bahagian baru-baru ini," katanya.

Menurutnya, ketua-ketua bahagian juga telah menunjukkan sokongan padu terhadap kepimpinan negeri, dan mereka telah menyatakan keazaman bagi memastikan kemenangan cemerlang BN di negeri ini.

Beliau juga melihat penubuhan Puteri Umno sebagai satu faktor yang memberi banyak kelebihan kepada parti itu sehingga menakutkan Pas kerana kelebihan yang dimilikinya dalam menarik pengundi muda.

Berdasarkan faktor-faktor itu, Syed Razak yakin BN akan dapat menawan semula sebilangan besar daripada 12 kerusi DUN yang kini dimiliki Pas dan satu kerusi yang dimiliki parti Keadilan.

Sehubungan itu, katanya, beberapa kerusi Parlimen yang dikuasai PAS menerusi beberapa tokohnya seperti Mohamad Sabu di Kuala Kedah, setiausaha agung parti Nasharuddin Mat Isa di Yan dan bekas ketua pemuda, Mahfuz Omar di Pokok Sena akan dapat ditawan BN, selain kerusi Parlimen Jerlun dan Padang Terap.

Syed Razak juga berkata, kejayaan pelaksanaan projek-projek pembangunan menerusi rancangan Pelan Tindakan Kedah Maju 2010 turut menyumbang kepada sokongan rakyat yang semakin meluas terhadap BN.

Menurutnya, beberapa projek kontroversi yang sebelum ini menjadi modal politik PAS juga sudah bertukar menjadi "liabiliti" kepada parti pembangkang itu, berikutan ianya telah dilaksanakan dengan jayanya.

Contoh terbaik ialah projek ternakan udang di Kerpan, yang dulu menjadi modal besar penceramah PAS bagi menggembar-gemburkan kegagalan kerajaan tetapi kini sudah mula meraih keuntungan, dengan dividen pertama telah dapat diagihkan kepada pesertanya sebelum Aidilfitri lepas.

Pengeluaran peruntukan sebanyak RM284.4 juta oleh kerajaan pusat kepada Lembaga Pengairan Pertanian Muda (Mada) untuk menyediakan infrastruktur pertanian kepada petani di Kuala Muda serta Sik dan Baling, dua daerah kurang maju di Kedah, turut memberi tamparan kepada pembangkang.

Projek itu akan memanfaatkan 27,000 petani yang bakal menikmati pendapatan yang meningkat setelah hanya mampu mengerjakan sawah padi setahun sekali sebelum ini.

Kerajaan negeri juga merampas kesempatan PAS untuk mempolitikkan isu

Sekolah Agama Rakyat (SAR) apabila ia berjaya menangannya secara baik dengan mewujudkan cawangan Maktab Mahmud di semua daerah di negeri ini bagi menyediakan pengajian agama yang lebih baik.

Rakyat juga menyambut baik langkah kerajaan menaikkan taraf bandar Alor Star kepada bandaraya baru-baru ini serta penyediaan kemudahan penerbangan haji secara terus daripada Alor Star ke Jeddah mulai musim ini.

Faktor Syed Razak sendiri dikatakan memberi kelebihan kepada BN di Kedah. Menurut pemerhati politik, beliau mempunyai kekuatan tersendiri yang mematkan langkah PAS, iaitu sikap rendah dirinya, mudah mesra tanpa mengira siapa dan sentiasa mengeneipkan protokol semasa menghadiri majlis-majlis rasmi.

PAS juga dilihat gagal mendapat kelebihan politik daripada persaraan Tun Dr Mahathir Mohamad terutama di kawasan Parlimen yang diwakilinya iatu Kubang Pasu, kerana rakyat tetap menghargai jasa-jasa bekas perdana menteri itu.

Seorang ketua cawangan Umno dalam kawasan Parlimen Sungai Petani pula berkata, beberapa ratus pengundi di kawasannya yang dulu menyokong pembangkang, kini sudah kembali menyokong BN.

"Semasa pilihan raya lepas, mereka tidak sempat mendapat maklumat yang cukup mengenai satu isu besar yang mempengaruhi pola pengundian. Tetapi kini setelah diberi penerangan, mereka sudah tidak marah-marah lagi (kepada BN)," katanya.

Sama seperti pengundi di Terengganu, pengundi di Kedah juga nampaknya semakin nekad untuk mengucapkan "Selamat Tinggal PAS".

-- BERNAMA

ZS MZM ZS AM